

 Nurshuhada Hakimina

# 44 Penerima Biasiswa Persekutuan JPA Menjalani Latihan TEAM BUILDING



25 Oktober 2009 - Bertempat di Kem Bina Negara Kaki Bukit Perlis, satu program Team Building untuk 44 penerima Biasiswa JPA telah dirangka dan dianjurkan oleh Unit Pinjaman & Kebajikan dengan kerjasama staf HEPA dan Kem Bina Negara Kaki Bukit Perlis. Program ini adalah bertujuan bagi menamatkan semangat bekerjasama, persaudaraan dan cintakan tanah air di kalangan penerima biasiswa persekutuan JPA.

Kesemua penerima biasiswa persekutuan JPA ini telah menunggu bas seawal 6.30 pagi di kolej kediaman masing-masing. Tepat pada jam 7.15 bas UniMAP telah bertolak ke Gua Kelam dan pada jam 7.45 pagi kesemua penerima biasiswa ini telah berada di hadapan pintu Gua Kelam dan disambut oleh staf Kem Bina Negara dengan mesra. Di hadapan pintu Gua Kelam ini, En. Irahmuddin telah menyerahkan kesemua penerima biasiswa ini kepada jurulatih Kem Bina Negara yang diketuai oleh En. Ku Fazilah Bin Ku Mat bersama 5 orang lagi jurulatih yang lain bagi menjalani latihan ini. Sebelum memulakan latihan Team Building kesemua

peserta diberi taklimat dan sarapan terlebih dahulu. Taklimat disampaikan oleh Ketua Jurulatih Kem Bina Negara. Cabaran dimulakan dengan aktiviti Demo Repelling dan latihan Repelling. Sebaik selesai dengan aktiviti Repelling tersebut, latihan team building diteruskan lagi dengan aktiviti merempuh halangan. Pelbagai gelagat yang ditunjukkan oleh kesemua peserta namun dengan semangat juang dan kerjasama yang tinggi mereka berjaya merempuhi halangan tersebut dengan baik. Selepas penat menjalani aktiviti ini, kesemua peserta berhenti untuk makan tengahari dan bersolat. Sebaik sahaja selesai makan tengahari dan bersolat, kesemua peserta dibawa untuk melihat keindahan alam flora dan fauna di Tasik Meranti. Uniknyanya tasik ini kerana tasik ini berada di tengah-tengah bukit-bukau yang hijau. Sebaik menikmati keindahan alam flora dan fauna, maka berakhirilah latihan team building tersebut.

Acara penutup diadakan di dewan Kem Bina Negara yang dirasmikan oleh Yg. Berusaha Encik Razli Bin Ahmad yang merupakan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar

& Alumni. Kesemua peserta telah berjaya mengakhiri program ini dan semangat juang yang tinggi yang ditunjukkan mereka dalam merempuh pelbagai halangan sepanjang aktiviti patut diberi pujian. Program ini telah berjalan dengan lancar dan berakhir pada jam 7.00 malam. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua jurulatih Kem Bina Negara dan semua yang terlibat kerana banyak membantu pihak Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar dalam menjayakan aktiviti yang julung kalinya diadakan.

### Objektif Program

- » Merapatkan hubungan antara penerima biasiswa dengan pihak JHEPA dan pihak JPA
- » Merupakan sesi perkenalan antara semua penerima biasiswa JPA
- » Menguji ketahanan mental dan fizikal penerima biasiswa JPA dalam apa jua keadaan.
- » Memupuk semangat tolong menolong antara penerima biasiswa JPA